

29 AUG 1996
Sarji-Rancangan
AHMAD SARJI MAHU TUMPU MASA DI IKIM SELEPAS BERSARA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, yang bersara mulai 16 Sept ini, akan terus memberikan keutamaan kepada kerja walau sekecil manapun kerja yang diamanahkan.

"Malahan saya harus berpegang kepada saranan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) supaya kita perlu sentiasa bekerja keras walau apapun tugas yang diberikan kepada kita," katanya.

"Bagi saya, apa juga kerja yang diberikan kepada kita, kita mesti melakukan dengan berkualiti, berusaha dengan gigih dan sentiasa bekerja keras," kata Ahmad Sarji yang telah berkhidmat lebih 35 tahun dalam kerajaan bermula sebagai penolong pegawai daerah di Klang pada 1961.

Setelah bersara, Ahmad Sarji, yang genap 58 tahun pada 16 Sept ini, berkata beliau akan menumpukan perhatian kepada tugas-tugasnya sebagai Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

"Saya akan meneruskan tugas-tugas saya di IKIM walaupun saya bersara daripada kerajaan," katanya ketika ditemui di institut itu hari ini.

Memandangkan IKIM mempunyai banyak program yang memerlukan perhatian rapi, beliau berkata beliau akan cuba memanfaatkan masanya yang terluang itu dengan sebaik-baiknya.

"Ini satu tugas yang saya anggap suci dan saya berterima kasih kepada Perdana Menteri yang telah melantik saya sebagai Pengerusi IKIM. Saya akan terus menyambung perkhidmatan pengerusi IKIM selagi dikehendaki oleh Perdana Menteri," katanya.

IKIM sudah membuat persiapan untuk menganjurkan sekurang-kurangnya 16 seminar, perbincangan dan bengkel sebelum akhir tahun ini.

Menurutnya, dalam menangani pelbagai isu, IKIM mempunyai tugas penting terutama daripada segi membantu membawa perubahan nilai serta pemahaman terhadap konsep dan prinsip Islam sebenar.

Ketika ditanya pencapaian terbesar yang beliau rasakan sebagai Ketua Setiausaha Negara, Ahmad Sarji berkata perkara itu sepatutnya dinilai oleh orang lain. Beliau sepatutnya bersara dua tahun lepas tetapi disambung secara kontrak oleh kerajaan kerana perkhidmatannya masih diperlukan.

"Saya lebih suka orang lain yang menilai kerana susah bagi saya hendak memberikan jawapan...penilaian atas diri sendiri merupakan satu tabiat yang saya patut tak ikut, biar orang yang nilaikan," kata Ahmad Sarji yang mula memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara pada 1 Feb 1990.

Setelah lebih 35 tahun atau kurang dua bulan kepada 36 tahun, Ahmad Sarji jelas berpuas hati dengan khidmat yang telah dicurahkan kepada pembangunan negara dan perkhidmatan awam.

Ketika ditanya sama ada beliau akan menggunakan masanya untuk menulis buku, Ahmad Sarji berkata sebuah buku tulisannya dalam bahasa Inggeris berjudul "The Chief Secretary to the Government of Malaysia" akan dilancarkan pada 11 Sept.

"Saya telah merekodkan sejarah jawatan Ketua Setiausaha Negara ini dan sedikit sebanyak mencatatkan pengalaman saya semasa menjalankan tugas ini dengan harapan buku ini memberi sedikit manfaat kepada mereka yang meminati atau hendak mengetahui tugas-tugas jawatan ini," katanya.

Beliau tidak mahu menyatakan banyak mengenai kandungan bukunya itu.

"Kalau saya berikan semua ini, buku saya tak laku nanti," katanya, berseloroh.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan beliau menyertai sektor swasta,

Ahmad Sarji ketawa dan menyatakan perkara itu bergantung kepada nasib.

"Kalau ada rezeki, mungkin...kalau rezeki itu belum sampai, saya akan tumpukan kepada tugas-tugas IKIM," katanya.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali yang akan menggantikannya.

"Beliau seorang yang berdedikasi, pegawai awam yang berpengetahuan luas dan saya yakin beliau akan melaksanakan tugas itu dengan cekap," katanya.

Pelantikan Halim diumumkan Jabatan Perdana Menteri semalam -- hari pertama beliau memulakan tugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Luar setelah dinaikkan pangkat daripada Timbalan Ketua Setiausaha kementerian itu. -- BERNAMA

AZZ NMO